Nama: Kelas: Tarikh:



LEMBARAN KERJA DIGITAL: MISI KATA HUBUNG



Aktiviti 1: Pilih Kata Hubung yang Sesuai

Arahan kepada murid: Baca setiap ayat dengan teliti. Pilih kata hubung yang paling sesuai untuk melengkapkan ayat.

1 Mimi membeli pensel _____ pemadam di kedai buku.
a) dan
b) kerana
c) kalau

2 Adik minum susu _____ makan roti pada waktu pagi.
a) atau
b) sambil
c) hingga

3 Ali tidak hadir ke sekolah _____ demam.
a) lalu
b) kerana
c) yang

4 Kamu mahu makan nasi goreng _____ mi goreng?
a) atau
b) dan
c) bahawa

5 Murid-murid beratur dengan tertib _____ masuk ke dalam kelas.
a) hingga
b) lalu
c) kalau

6 Murid-murid membaca buku _____ menulis nota di dalam kelas.
a) dan
b) atau
c) kerana

7 Baju _____ berwarna biru itu milik kakak.
a) hingga
b) yang
c) lalu

8 Kumar menyapu lantai _____ mendengar radio.
a) sambil
b) kerana
c) kalau

9 Ibu memberitahu _____ ayah akan pulang pada petang ini.
a) bahawa
b) atau
c) hingga

10 Kita perlu belajar bersungguh-sungguh _____ mencapai kejayaan.
a) lalu
b) untuk
c) sambil

LIVEWORKSHEETS